

MAJLIS WELCOMING & HOMECOMING PELAJAR MOBILITI UUM COB

PPA UUM COB

Mon 02/10/2017 3:26 PM

To:UUMstudentgroup <studentnet-out@uum.edu.my>; UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>;

Cc:Dr. Hendrik bin Lamsali <hendrik@uum.edu.my>; Wan Norazlinda binti Wanchik <azlind@uum.edu.my>;



**PEJABAT PEMBANGUNAN
PELAJAR DAN ALUMNI**

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE
COLLEGE OF BUSINESS

Universiti Utara Malaysia

Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

02 OKTOBER 2017 / 12 MUHARAM 1439H

=====

"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & salam sejahtera





UUM PPA COB – Majlis *Welcoming* dan *Homecoming* Pelajar Mobiliti UUM COB yang berlangsung pada 19 September 2017 yang lalu telah berjaya mengumpulkan hampir 60 pelajar yang mengikuti program mobiliti dalam dan luar negara.

Majlis ini diadakan bertujuan bagi meraikan kepulangan pelajar UUM COB yang mengikuti program mobiliti *outbound* sesi A162 yang telah berjaya menamatkan program mobiliti mereka di dalam dan luar negara serta bagi menyambut kedatangan pelajar mobiliti *inbound* sesi A171 dari luar dan dalam negara yang telah memilih UUM sebagai universiti pilihan mereka.

Acara dimulakan dengan ucapan daripada Yang Berusaha Dr Hendrik bin Lamsali, Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM COB dan disusuli dengan perkongsian pengalaman dari pelajar mobiliti *inbound* dan juga *outbound*.

Wakil pelajar mobiliti *inbound*, A'an Bin Mansor dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut berkongsi pengalaman yang berharga di UUM. A'an memuji pihak PPA COB kerana mengadakan program 1 *buddies* untuk 1 pelajar mobiliti yang terdiri dalam kalangan pelajar Global Buddies Club (GBC). Perkara ini memudahkan pelajar mobiliti menyesuaikan diri dengan lebih mudah ketika berada di UUM.

Bagi Mohammad Ameerullah Bin Salleh, wakil pelajar mobiliti *outbound* dalam ucapannya turut menzahirkan rasa bersyukur dan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk merasai pengalaman belajar ke luar negara.

Ameerullah yang mengikuti mobiliti ke Yokohama National University, Japan menyifatkan pengamalan belajar di negara tersebut amat berharga. Ameerullah menyatakan isu utama

mereka adalah rinduan keluarga dan kampung halaman tetapi dengan kemudahan komunikasi sekarang, jarak bukan lagi menjadi isu.

Majlis tersebut turut diserikan dengan upacara penyampaian sijil kepada pelajar mobiliti *outbound*. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar pada jam 12.00 tengahari.

Turut hadir Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah Othman, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM COB dan Encik Khairul Anuar Adnan, Penasihat Global Buddies Club.

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni

UUM College of Business

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

☎ 04-928 6610

☎ 04-928 6606

Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>

Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.